

31/10/2000

Apec: Malaysia diminta main peranan penting

Lichong Angkui in Bandar Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin - Brunei mahu Malaysia memainkan peranan penting untuk mengemukakan pandangan Asia dalam Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), di sini pada 10 hingga 16 November ini.

Permintaan itu disampaikan Sultan Hassanal Bolkiah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan empat mata di Istana Nurul Iman, di sini malam tadi.

Bercakap kepada pemberita pada akhir lawatan rasmi dua hari ke Brunei Darussalam di sini pagi ini, Dr Mahathir berkata, mereka berbincang sedikit mengenai Apec selain soal meningkatkan kerjasama dua hala kedua-dua negara.

"Brunei akan menjadi tuan rumah Apec dan Brunei ingin Malaysia mengambil bahagian yang agak penting dalam mesyuarat itu untuk mengemukakan pandangan Asia," katanya.

Perdana Menteri berkata, soal globalisasi dijangka terus menjadi agenda dan tumpuan dalam mesyuarat Apec kelapan di Brunei.

"Saya fikir (agenda mesyuarat) masih soal globalisasi kerana ramai khuatir sama ada globalisasi membawa kebaikan atau keburukan kepada negara membangun.

"Negara maju memang menganggap globalisasi sesuatu yang baik. Tapi yang baik bagi mereka, mungkin tak baik bagi kita," katanya.

Pertemuan Perdana Menteri dengan Sultan Brunei adalah acara tahunan yang diadakan secara bergilir di Malaysia dan Brunei, bertujuan merapatkan hubungan kedua-dua negara.

Sambil menyifatkan lawatan kali ini mencapai matlamat, Dr Mahathir berkata beberapa kepentingan dua hala dibincang dan secara keseluruhannya tidak banyak masalah dihadapi.

"Kita bincang mengenai keadaan di negara Asia Tenggara sama ada memberi kesan atau tidak ke atas Malaysia dan Brunei. Tidak ada perkara dan bidang baru dibincang untuk diterokai, tetapi ia tidak bermakna lawatan ini tidak penting.

"Pertemuan ini memang penting kerana kita perlu mengadakan perhubungan rapat. Ada juga cadangan supaya pegawai dan menteri kita mengadakan lawatan lebih kerap ... kalau main golf semuanya ada di Kuala Lumpur dan di sini, justeru mereka boleh membuat lawatan ke Malaysia dan Brunei," katanya.

(END)